

MDCA berupaya jana pendapatan RM564 juta

KUALA LUMPUR - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Gabungan Pusat Data Malaysia (MDCA) berupaya menjana pendapatan antara RM292 juta dan RM564 juta untuk ekonomi negara.



NAJIB

Perdana Menteri berkata demikian dalam akaun Twitter beliau semalam.

Dua hari lepas, Kemente-

rian Komunikasi dan Multimedia melancarkan MDCA, iaitu hab data serantau yang pertama di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, MDCA adalah kemudahan penyimpanan data secara berpusat untuk individu dan syarikat di negara ini.

Ia dikendalikan oleh 21 sya-

rikat tempatan yang akan menyediakan pelbagai perkhidmatan berkaitan pusat data itu.

MDCA dijangka menjana pendapatan RM292 juta dalam tempoh enam bulan selepas dilancarkan dan dijangka meningkat kepada RM564 juta menjelang hujung tahun ini.

Sebelum itu, dalam tweet beliau, Najib mengucapkan syabas kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kerana memenangi dua pingat emas dalam penyertaan

sulung di British Invention Show (BIS) di London baru-baru ini.

Tweet itu turut mempunyai pautan pada artikel yang disiarkan *Bernama* bertajuk, '*USIM Menang Dua Pingat Emas Di British Invention Show*'.

USIM mencipta sejarah tersendiri apabila memenangi dua pingat emas iaitu '*Best Invention Award of The Year*' dan '*British Invention of The Year*' bagi produk perisa tambahan makanan daripada rebung. - *Bernama*